

06 NOV 1997

DR MAHATHIR DI SINGAPURA HADIRI PERJUMPAAN BEKAS PELAJAR KELAS 1947

SINGAPURA, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari berada di Singapura menghadiri majlis perayaan ulangtahun ke-50 perjumpaan bekas pelajar perubatan kelas 1947 Kolej Perubatan King Edward VII.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, menghabiskan setengah hari di sini, iaitu sebahagian dari program empat hari sambutan itu.

Selepas ketibaannya pagi tadi, Dr Mahathir berjumpa dengan bekas rakan-rakan sekelasnya di bangunan Kolej Perubatan di Hospital Besar Singapura untuk sesi fotograf.

Mereka kemudiannya pergi ke Hospital Tan Tock Seng di mana sesetengah di antara mereka pernah tinggal sewaktu belajar di kolej itu.

Dari situ, mereka ke terminal feri di Pusat Perdagangan Dunia pada waktu makan tengah hari untuk menaiki kapal untuk perjalanan semalaman ke Pulau Pangkor.

Esok Doktor-doktor dari kelas 1947 itu akan ke Pelabuhan Kelang dengan bot untuk satu majlis jamuan teh yang diberikan oleh Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah. Dr Siti Hasmah juga ialah bekas pelajar kelas perubatan 1947 itu. -- BERNAMA

THG WAT